Malaysia
Laporan Kebebasan Beragama Antarabangsa 2008
Dikeluarkan oleh Biro Demokrasi, Hak Asasi Manusia, dan Buruh

Perlembagaan membenarkan kebebasan beragama. Perkara 11 menyatakan bahawa, “Setiap orang berhak memilih dan mengamalkan agamanya” tetapi perkara ini juga memberi kuasa kepada kerajaan-kerajaan negeri dan persekutuan untuk “mengawal atau menyekat pengembangan mana-mana doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam.” Perkara 3 dalam Perlembagaan menyatakan bahawa, “Islam ialah agama bagi Persekutuan” dan “Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengawal selia hal ehwal agama Islam.” Perkara 160 dalam Perlembagaan menakrifkan orang Melayu sebagai seseorang yang menganuti agama Islam. Mahkamah sivil biasanya menyerahkan kuasa kepada mahkamah Syariah bagi kes-kes berkaitan keluar daripada agama Islam dan mahkamah Syariah pula masih tidak membenarkan sesiapa keluar daripada agama Islam. Undang-undang dan dasar-dasar lain mengenakan beberapa sekatan terhadap kebebasan beragama.

Sepanjang tempoh laporan ini, tiada sebarang perubahan dari segi status menghormati kebebasan beragama yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan. Kerajaan mengekalkan senarai rasmi sebanyak 56 mazhab yang dianggap “sesat” dan mengancam keselamatan negara. Orang Islam yang menyimpang daripada prinsip-prinsip Sunni yang sudah diterima pakai boleh ditahan dan diwajibkan menjalani “pemulihan” di pusat-pusat yang mengajar dan menguatkuasakan amalan-amalan Islam yang diluluskan pihak Kerajaan. Pada umumnya, orang Islam tidak boleh keluar daripada agama Islam dan bertukar kepada agama lain, tetapi penganut agama lain boleh memeluk agama Islam. Pegawai-pegawai di peringkat kerajaan negeri dan peringkat kerajaan persekutuan memantau aktiviti-aktiviti agama Islam dan memastikan tiada yang mempengaruhi kandungan khutbah, menggunakan masjid untuk menyampaikan mesej politik dan menghalang imam-imam tertentu untuk bersuara di masjid. Kerajaan mengekalkan dua sistem perundangan, iaitu mahkamah Syariah yang mempunyai bidang kuasa atas isu agama yang melibatkan orang Islam dan mahkamah sekular yang mempunyai kuasa atas isu-isu lain berkaitan penduduk keseluruhannya. Agama-agama minoriti umumnya bebas mengamalkan kepercayaan mereka. Walau bagaimanapun, sejak beberapa tahun yang lalu, ramai yang telah menyuarakan kebimbangan mereka bahawa sistem mahkamah sivil telah beransur-ansur menyerahkan bidang kuasa kepada mahkamah Syariah, terutamanya dari segi bidang undang-undang keluarga yang melibatkan pertikaian antara orang Islam dan bukan Islam. Agama-agama minoriti masih menghadapi sekatan dari segi kebebasan pendapat berkaitan agama dan dakwaan pencabulan hak-hak harta. Kerajaan mengehadkan pengedaran bahan Kristian dalam bahasa Malaysia di Semenanjung Malaysia dan melarang cubaan menarik orang Islam masuk kepada agama mereka.

Terdapat beberapa laporan tentang penganiayaan atau diskriminasi agama, kepercayaan, atau amalan oleh masyarakat.

Kerajaan A.S. mengadakan perbincangan tentang kebebasan beragama dengan pihak Kerajaan sebagai dasar menyeluruh untuk mempromosikan hak asasi manusia.

Bahagian I: Demografi Agama

Negara ini mempunyai keluasan 127 ribu batu persegi dan mempunyai penduduk seramai 26.9 juta. Mengikut bancian pada tahun 2000, kira-kira 60 peratus penduduk beragama Islam; 19 peratus beragama Buddha; 9 peratus beragama Kristian; 6 peratus beragama Hindu; dan 3 peratus beragama Konfusianisme, Taoisme, dan agama-agama tradisional kaum Cina yang lain. Kelompok-kelompok agama minoriti yang lain termasuk animisme, Sikhisme, dan Baha'i. Orang Melayu yang beragama Islam merangkumi kira-kira 55 peratus jumlah penduduk. Tiga daripada lima parti politik utama ditubuhkan atas landasan bangsa dan agama. Sebahagian besar penganut agama Kristian tinggal di Malaysia Timur, iaitu Sabah dan Sarawak.

Bahagian II: Status Kebebasan Beragama

Rangka Kerja Undang-undang/Dasar

Perlembagaan membenarkan kebebasan beragama. Perkara 11 menyatakan bahawa, "Setiap orang berhak memilih dan mengamalkan agamanya" tetapi perkara ini juga memberi kuasa kepada kerajaan-kerajaan negeri dan persekutuan untuk "mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang beragama Islam." Perkara 3 dalam Perlembagaan menyatakan bahawa, "Islam adalah agama bagi Persekutuan" dan "Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengawal selia hal ehwal agama Islam." Perkara 160 dalam Perlembagaan mentakrifkan orang Melayu sebagai seseorang yang beragama Islam. Mahkamah sivil biasanya menyerahkan kuasa kepada mahkamah Syariah bagi kes-kes berkaitan keluar daripada agama Islam dan mahkamah Syariah pula masih tidak membenarkan sesiapa keluar daripada agama Islam. Undang-undang dan dasar-dasar lain mengenakan beberapa sekatan terhadap kebebasan beragama.

Kesamaran Perkara 3 dapat dilihat daripada debat-debat awam tentang peranan Islam dalam masyarakat berbilang agama. Abdullah, Perdana Menteri Malaysia masih mempromosikan "Islam Hadhari" (bermaksud "Islam Bertamadun") yang beliau huraikan sebagai suatu "pendekatan" untuk mengingatkan orang Islam bahawa "Islam pada hakikatnya merupakan agama yang toleransi, progresif, dan mencintai keamanan" dan secocok dengan masyarakat berbilang kaum dan berbilang agama. Kerajaan mempromosikan "Islam Hadhari" di sekolah-sekolah dengan memasukkannya ke dalam kurikulum mandat persekutuan melalui ceramah agama, ucapan, forum, dan media.

Pada 17 Julai 2007, Timbalan Perdana Menteri Najib Razak menyatakan bahawa negara ini adalah negara Islam dan bukannya sekular. Ini telah menyebabkan masyarakat bukan Islam dan para peguam kanan menyangkal kenyataan tersebut dan menegaskan bahawa negara ini adalah negara sekular mengikut perlembagaan. Akhirnya, pihak Kerajaan telah melarang media aliran bebas membuat liputan tentang debat tersebut kecuali melaporkan kenyataan daripada Perdana Menteria dan Timbalan Perdana Menteri. Pada 4 Ogos 2007, Perdana Menteri telah mengeluarkan kenyataan bahawa negara ini bukan sekular mahupun teokratik tetapi sebaliknya adalah demokrasi berparlimen. Sokongan politik terhadap "Islam Hadhari" adalah lemah di negeri-negeri yang dikuasai parti pembangkang.

Pendaftar Pertubuhan, di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, menentukan sama ada sesebuah pertubuhan agama itu boleh didaftarkan dan justeru itu, layak menerima bantuan kewangan dan faedah-faedah lain daripada Kerajaan. Pihak Pendaftar tidak mempunyai dasar yang konsisten untuk mengenalpasti pelbagai pertubuhan agama ataupun kriteria yang digunakan untuk membuat penentuan tersebut. Pihak Kerajaan enggan mengiktiraf pelbagai pertubuhan agama, dan untuk memastikan supaya pertubuhan ini dapat bergiat secara halal, kumpulan-kumpulan tersebut telah mendaftarkan pertubuhan mereka bawah Akta Syarikat. Antara contoh termasuk Jehovah's Witnesses dan Church of Jesus Christ of Latter-day Saints (Mormon). Pendaftaran di bawah Akta Syarikat menawarkan perlindungan dari segi kebebasan beragama setakat yang dinikmati kumpulan-kumpulan lain di negara ini tetapi tidak layak mendapat bantuan kewangan Kerajaan.

Pihak Kerajaan menyediakan bantuan kewangan kepada pertubuhan agama Islam yang terdiri daripada pelbagai institusi kerajaan, separa kerajaan, dan institusi-institusi lain, dan secara tidak langsung, ini menyediakan lebih banyak dana kepada masyarakat bukan Islam.

Orang Islam yang ingin menukarkan agama kepada agama lain perlu mendapatkan kelulusan daripada mahkamah Syariah untuk mengisytiharkan dirinya "murtad" terlebih dahulu. Keperluan ini sekaligus menghalang orang Islam daripada bertukar agama kerana mahkamah Syariah jarang sekali meluluskan permintaan untuk berbuat demikian, malah akan mengenakan denda terhadap mereka yang murtad.

Bagi seseorang yang beragama Islam, agama mereka boleh dikenalpasti melalui kad pengenalan masing-masing. Bagi mereka yang beragama lain, pilihan agama disulitkan dalam cip pintar pada kad pengenalan dan tidak dicetak pada permukaannya. Berbeza dengan agama lain, seseorang yang beragama Islam perlu membawa kad pengenalan diri beserta gambar pasangan masing-masing sebagai bukti perkahwinan. Ini biasa digunakan untuk menentukan sama ada seseorang itu tertakluk kepada hukum Syariah atau tidak, terutamanya dalam kes khalwat, iaitu lelaki dan wanita yang belum berkahwin sedang berdua-duaan. Khalwat adalah kesalahan jenayah bawah

undang-undang Syariah dan boleh dihukum penjara dua tahun, denda RM3,000.00 (US$940) atau kedua-duanya sekali jika disabit kesalahan. Pegawai penguatkuasa agama boleh melakukan serbuan di hotel dan bar untuk menangkap orang Islam yang melakukan khalwat, minum arak, atau berpakaian tidak senonoh, dan mendakwa mereka bawah undung-undang Syariah.

Undang-undang Syariah ditadbir oleh pihak berkuasa negeri melalui mahkamah Syariah dan mempunyai bidang kuasa atas setiap orang Islam. Undang-undang Syariah dan dekri penguatkuasaannya berbeza antara negeri dengan negeri lain. Kerajaan negeri mengenakan undang-undang Islam atas orang Islam dalam sesetengah perkara berkaitan budaya dan sosial tetapi secara umumnya tidak campur tangan dengan amalan agama masyarakat bukan Islam. Walau bagaimanapun, perdebatan masih berterusan tentang pemasukan unsur-unsur undang-undang Syariah seperti khalwat dalam undang-undang sivil. Pegawai penguatkuasa agama mempunyai kuasa untuk membuat serbuan terhadap premis-premis persendirian dan awam. Pihak Kerajaan tidak menyediakan maklumat tentang bilangan serbuan yang dilakukan oleh para pegawai penguatkuasa agama.

Sebarang pindaan terhadap Kanun Jenayah hanya boleh dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan. Walaupun undang-undang persekutuan menyatakan sebaliknya dan hanya undang-undang persekutuan boleh berkuatkuasa di negara ini, kerajaan-kerajaan negeri Kelantan dan Terengganu telah menetapkan murtad, iaitu keluar daripada agama Islam, sebagai kesalahan hukum bunuh. Kerajaan PAS negeri Kelantan masih mengharamkan teater tarian Melayu asli, melarang iklan yang memaparkan wanita yang tidak menutup aurat, mewajibkan wanita Islam memakai tudung, dan mengenakan denda terhadap mereka yang melanggar perintah-perintah tersebut dalam tempoh laporan ini. Kanun pemakaian Kelantan yang digubal pada tahun 2006 mewajibkan wanita Islam memakai tudung dan membenarkan hanya bahagian muka dan tangan tidak ditutup. Undang-undang ini juga menetapkan bahawa wanita bukan Islam harus mengelak daripada memakai pakaian yang “seksi atau tidak sopan.” Wanita yang melanggar kanun pemakaian ini boleh didenda sehingga RM500.00 (AS$146). Para pemimpin hak asasi wanita serta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat telah mengkritik peraturan-peraturan ini sebagai terlalu menyekat. Lelaki dan wanita perlu beratur dalam barisan yang berasingan di pasaraya beli-belah dan mengenakan denda terhadap pasangan lelaki dan wanita yang duduk terlalu rapat di tempat awam seperti bangku duduk di taman. Pada akhir bulan Jun 2008, pihak berkuasa mula mengedarkan risalah dan kenyataan awam menggalakkan wanita supaya tidak memakai kasut bertumit tinggi, gincu berwarna cerah, atau tudung yang lutsinar untuk “menjaga maruah dan mengelak daripada dirogol.”

Para pemimpin PAS telah mengumumkan rancangan untuk memperkenalkan kanun pemakaian di Kedah selepas parti tersebut, dalam pakatan dengan dua parti sekular, berjaya menawan negeri itu pada pilihan raya Mac 2008. Kerajaan negeri belum memperkenalkan kanun pemakaian yang baru semasa tempoh laporan ini.

Mahkamah Syariah tidak memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada keterangan yang diberi oleh golonganwanita. Beberapa organisasi bukan kerajaan yang terlibat dalam pemajuan hak-hak asasi wanita membantah bahawa wanita tidak mendapat layanan yang adil daripada mahkamah Syariah dalam hal perceraian dan hak jagaan anak. Pada bulan Disember 2005, Parlimen telah meluluskan Akta Undang-undang Keluarga Islam (AUKI) dalam usaha untuk menyelaraskan undang-undang Syariah di seluruh negara. Para penyokong hak-hak asasi wanita membantah bahawa peruntukan AUKI melemahkan kedudukan undang-undang wanita. Dalam maklum balasnya, pejabat Peguam Negara mengumumkan bahawa pihaknya akan cuba membuat pindaan terhadap AUKI dalam cara yang belum ditentukan. Namun, tiada sebarang pindaan telah diperkenalkan semasa tempoh laporan ini.

Masjid ditadbir pada peringkat negeri dan bukannya Kerajaan persekutuan. Pihak berkuasa agama negeri melantik imam bagi masjid dan menyediakan panduan bagi isi kandungan khutbah.

Kerajaan negeri mempunyai kuasa terhadap pembinaan tempat ibadat bukan Islam dan peruntukan tanah bagi kawasan perkuburan bukan Islam. Mengikut badan-badan pertubuhan bukan kerajaan, kelulusan untuk membina atau mengubah suai tempat ibadat bukan Islam biasanya ditangguh-tangguhkan, manakala kelulusan untuk membina masjid diberikan dengan kadar segera.

Undang-undang membenarkan pihak negeri memusnahkan patung agama dan tempat ibadat yang tidak didaftarkan. Beberapa buah badan bukan kerajaan membantah terhadap pemusnahan tokong dan tempat ibadat agama Hindu tidak berdaftar yang terletak di tanah milik kerajaan tempatan dan negeri. Struktur-struktur ini biasanya dibina di ladang-ladang milik persendirian sebelum kemerdekaan negara pada tahun 1957. Lama-kelamaan, tanah-tanah ladang yang mempunyai tokong dan tempat ibadat Hindu ini dipindah milik kepada kerajaan.

Kerajaan terus menetapkan bahawa semua kakitangan kerajaan yang beragama Islam perlu menghadiri kelas agama yang dilulus oleh Kerajaan. Agensi-agensi kerajaan memaksa wanita bukan Islam memakai tudung semasa menghadiri majlis-majlis rasmi.

Sekolah awam secara umumnya menawarkan pendidikan Islam yang diwajibkan kepada pelajar Islam. Pelajar bukan Islam pula dikehendaki mengambil kursus pendidikan moral/etika. Di sekolah kerajaan peringkat rendah dan menengah, perhimpunan sekolah kerap dimulakan dengan bacaan doa oleh seorang guru atau ketua pelajar. Sekolah swasta bebas menawarkan kurikulum agama bukan Islam kepada pelajar bukan Islam. Tidak ada sebarang sekatan terhadap pembelajaran di rumah. Pihak Kerajaan hanya menawarkan bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah agama Islam swasta yang bersetuju membenarkan penyeliaan kerajaan dan mengikuti kurikulum lulusan kerajaan.

Kerajaan melarang penerbitan dan debat awam yang dianggap boleh menjejaskan keharmonian bangsa atau agama. Penganut agama lain dilarang sama sekali menarik orang Islam menjadi penganut baru, namun tiada halangan dikenakan terhadap orang Islam daripada menarik orang bukan Islam.

Kerajaan tidak mengiktirafkan perkahwinan antara orang Islam dan bukan Islam.

Kerajaan menetapkan Hari Raya Puasa, Hari Raya Korban, Hari Keputeraan Nabi Muhammad, Awal Muharam, Hari Wesak, Deepavali, Thaipusam, dan Hari Natal sebagai hari kelepasan am. Good Friday adalah hari kelepasan am di Malaysia Timur.

Sekatan Terhadap Kebebasan Beragama

Kerajaan mengharamkan apa yang dianggap sebagai “penyelewengan tafsiran” tentang ajaran Islam dan menganggap pandangan kumpulan yang menyeleweng akan menjejaskan keselamatan negara dan boleh memecahkan masyarakat Islam. Laman Web Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menyenaraikan sebanyak 56 ajaran agama menyeleweng yang diharamkan sepanjang tempoh laporan ini. Antara lainnya termasuk ajaran Ahmadiyya, Islamailiah, Shi’a, dan Baha’i. JAKIM telah menyediakan garis panduan persekutuan berkaitan kelakuan atau kepercayaan “menyeleweng”. Pihak berkuasa agama negeri umumnya membuat penentuan dalam hal sedemikian berlandaskan garis panduan ini. Ahli-ahli kumpulan yang dianggap “menyeleweng” boleh ditangkap dan ditahan dengan izin mahkamah Syariah supaya mereka dapat menjalani “pemulihan” dan kembali ke “jalan yang benar.”

Mengikut kumpulan-kumpulan agama dan badan-badan bukan kerajaan tempatan, proses pelulusan permit bangunan bagi tempat ibadat kadangkala memakan masa yang terlalu lama. Pada 20 Mei 2008, Gereja Holy Light di Johor Baru menerima kelulusan daripada kerajaan negeri Johor untuk menukarkan tanahnya daripada kegunaan pertanian kepada keagamaan.

Golongan agama minoriti melaporkan bahawa kerajaan negeri kadangkala menggunakan kanun-kanun pengezonan dan pembinaan yang menyekat untuk menghalang pembinaan atau pengubahsuaian tempat ibadat bukan Islam.

Perobohan tempat ibadat yang antaranya berumur lebih 100 tahun yang terletak di tanah kerajaan atau ladang yang akan dimajukan merupakan satu lagi masalah yang dihadapi kumpulan agama minoriti. Pihak berkuasa tempatan kadangkala merobohkan tokong dan tempat ibadat yang kecil, tidak berdaftar, dan dibina tanpa kebenaran atas tanah milik kerajaan. Walau bagaimanapun, terdapat juga kes-kes yang mana kerajaan negeri telah menyediakan tapak di tempat lain dan menampung kos bagi pembinaan rumah ibadah yang baru.

Satu kumpulan tujuh orang asli telah menyaman kerajaan negeri Kelantan selepas pihak berkuasa negeri merobohkan gereja yang terletak di kawasan yang diduduki orang asli pada 15 Januari 2008. Kes ini masih belum selesai semasa tempoh laporan ini.

Pada 6 November 2007, iaitu sehari sebelum perayaan Deepavali, kekecohan telah berlaku antara penganut Hindu dan pihak berkuasa berkaitan perobohan kuil berumur 100 tahun di Selangor. Badan-badan bukan kerajaan mengecam perobohan itu dan menggesa pihak berkuasa supaya lebih peka semasa menguruskan tempat-tempat ibadat. Pada 13 Mac 2008, kerajaan Selangor yang baru telah memberikan pampasan dalam bentuk tapak baru dan bantuan kewangan untuk membina kuil baru.

Pada bulan Mei 2006, sebuah jawatankuasa kuil di Negeri Sembilan telah memohon untuk mendapatkan injunksi mahkamah terhadap perobohan sebuah kuil berumur 150 tahun yang terletak di tanah milik kerajaan negeri. Kuil tersebut mempunyai pengunjung tetap seramai 300 orang. Pada 15 April 2008, Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa Majlis Perbandaran mempunyai hak untuk merobohkannya kerana kuil tersebut baru dibina semula dan oleh itu, tidak lagi berumur 150 tahun. Mahkamah juga menyatakan bahawa jawatankuasa kuil tidak mendaftarkan kuil tersebut di Pejabat Pendaftar Persatuan. Justeru itu, ia tidak mempunyai kesahan undang-undang untuk menghalang perobohan kuil tersebut. Kuil ini masih belum dirobohkan semasa tempoh laporan ini.

Mengikut Majlis Perunding bagi Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh, dan Tao Malaysia (MPBKHSTM), pihak Kerajaan mengehadkan pengeluaran visa para pendakwah Islam dan bukan Islam dari luar negara yang berumur bawah 40 tahun untuk menghalang "pendakwah militan" daripada masuk ke dalam negara. Walaupun wakil daripada kumpulan-kumpulan bukan Islam tidak duduk dalam jawatankuasa yang meluluskan permintaan visa, namun MPBKHSTM telah diminta untuk memberikan cadangannya.
Dalam tempoh laporan sebelum ini, pihak Kerajaan telah memendekkan tempoh lawatan yang dibenarkan kepada paderi Hindu, pemuzik kuil, dan pengukir dari negara asing. Pihak Kerajaan juga menggesa para pendakwah bukan Islam tempatan supaya melatih para pemimpin agama tempatan untuk mengurangkan kebergantungan pada orang asing. Walau bagaimanapun, berikutan bantahan daripada kumpulan Sangam Malaysia Hindu dan badan-badan bukan kerajaan yang lain, Kabinet membuat keputusan pada 4 April 2008 untuk mengeluarkan lebih banyak permit kepada paderi asing. Pihak Kerajaan juga mencadangkan supaya tempoh lawatan dilanjutkan sehingga lima tahun. Pada bulan Mei 2008, Lembaga Endowmen Hindu mendakwa bahawa pihak Kerajaan enggan meluluskan tempoh lanjutan permit dan menolak permohonan baru bagi paderi dan pemuzik kuil. Ini menyebabkan visa yang sedia ada perlu dilanjutkan dari bulan ke bulan.

Perlembagaan menggolongkan semua yang berbangsa Melayu sebagai orang Islam. Secara amalannya, orang Islam tidak dibenarkan bertukar agama. Dalam beberapa keputusan semasa tempoh laporan ini, mahkamah sekular telah menyerahkan bidang kuasa kepada mahkamah Syariah dalam hal berkaitan pertukaran agama daripada agama Islam atau kepada agama Islam dan kes undang-undang keluarga yang melibatkan orang Islam dan bukan Islam. Sesetengah kes ini masih dalam rayuan di Mahkamah Persekutuan.

Pada bulan April 2008, Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan rancangan untuk mewajibkan mualaf mengumumkan kepada ahli-ahli keluarga tentang status agama barunya. Bawah perintah ini, mualaf perlu membuat perakuan bahawa dia telah megumumkan kepada keluarga tentang pertukaran agamanya. Pada 14 Mei 2008, pihak Kerajaan telah mengumumkan bahawa Jabatan Hal Ehwal Agama akan mengeluarkan kad kepada mualaf untuk menentusahkan pertukaran agama kepada Islam dan mengelak masalah akan datang berkaitan kematian mualaf, perceraian, atau pengurusan wasiat. Walau bagaimanapun, setakat penghujung tempoh laporan ini, masih belum ada kad yang dikeluarkan. Tiada sebarang perbincangan diadakan tentang perlindungan individu yang ingin keluar daripada agama Islam. Ahli-ahli keluarga bukan Islam, termasuk suami atau isteri dan anak-anak, masih terus kehilangan hak warisan dalam kes-kes sedemikian. Mahkamah mengkaji semula, atas dasar kes ke kes, status agama anak-anak bawah umur bagi keadaan salah seorang ibubapa yang masuk Islam tetapi yang seorang lagi tidak, walaupun kebiasaanya mahkamah akan membuat keputusan yang berpihak kepada ibu atau bapa yang beragama Islam.

Pada 18 Januari 2008, Mahkamah Tinggi memberi kebenaran kepada Ngiam Tee Kong, seorang Kristian berketurunan Cina, untuk mengebumikan isterinya yang telah meninggal dunia, Wong Sau Lan, yang dikatakan telah masuk Islam, mengikut upacara pengebumian Kristian. Mahkamah membuat keputusan yang berpihak kepada Ngiam selepas Majlis Agama Wilayah Persekutuan menggugurkan tuntutan terhadap mayat si mati kerana penukaran agama beliau didapati tidak mengikut undang-undang Syariah.

Pada bulan Januari 2008, Gan Eng Gor, seorang lelaki berketurunan Cina, telah dikebumikan mengikutan upacara pengebumian Islam selepas Mahkamah Syariah memutuskan bahawa beliau adalah seorang Islam. Polis telah merampas mayat si mati selepas anak lelakinya, seorang mualaf, mendakwa bahawa bapanya yang asalnya beragama Buddha telah memeluk agama Islam pada bulan Julai 2007. Ahli-ahli keluarga yang lain, kesemuanya beragama Buddha, telah mendaftarkan petisyen di Mahkamah Tinggi dan mendakwa bahawa Gan tidak pernah menukar agama kerana beliau telah dua kali mengalami strok dan oleh itu, tidak mampu bercakap pada masa ia didakwa masuk Islam. Mahkamah Tinggi telah menolak petisyen tersebut pada 29 Januari 2008. Dalam keputusannya, Mahkamah Tinggi mengumumkan bahawa mahkamah tersebut tidak mempunyai bidang kuasa atas kes itu memandangkan Mahkamah Syariah telahpun mengisytiharkan Gan sebagai seorang Islam.

Pada bulan Mei 2006, Siti Fatimah Tan Abdullah, seorang mualaf, membuat permohonan kepada Mahkamah Syariah Pulau Pinang untuk meninggalkan agama Islam selepas ditinggalkan suaminya yang berketurunan Iran. Beliau telah memeluk agama Islam pada tahun 1998 sebagai syarat untuk berkahwin dan sejak itu tidak pernah mengamalkan ajaran Islam, kekal makan babi, dan mengamalkan ajaran Buddha. Pada 8 Mei 2008, Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang membuat keputusan untuk membenarkan Siti Fatimah kembali kepada agama Buddha. Dalam keputusannya, mahkamah telah menyalahkan majlis agama negeri atas kegagalan untuk memastikan Siti Fatimah mengamalkan ajaran Islam. Walaupun didesak oleh sebahagian golongan masyarakat, pihak Kerajaan tidak mengubah atau mengkaji semula keputusan itu di akhir tempoh laporan ini.

Keputusan mahkamah biasanya memihak kepada ibu atau bapa yang beragama Islam dan membenarkan penukaran agama anak-anak walaupun ini bertentangan dengan kehendak ibu atau bapa yang bukan Islam.

Pada bulan Disember 2007, Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa mahkamah sivil mempunyai bidang kuasa eksklusif dalam sebarang kes yang melibatkan pembubaran perkahwinan sivil. Subashini Rajasingam, seorang Hindu, mendaftarkan tuntutan cerai daripada suaminya yang telah masuk Islam. Dia membuat permohonan untuk menghalang suaminya menukarkan agama anak kedua mereka yang berumur dua tahun selepas suaminya menukarkan agama anak lelaki sulung mereka yang berumur empat tahun. Walau bagaimanapun, Mahkamah Persekutuan tidak menjelaskan isu berkaitan hak jagaan kedua-dua anak dan memutuskan bahawa kedua-dua ibubapa boleh memulakan prosiding hak jagaan dalam bidang kuasa masing-masing. Mahkamah Persekutuan juga berpendapat bahawa suami Subashini tidak melanggar undang-undang bila dia menukarkan agama anak lelaki sulung mereka kepada Islam tanpa pengetahuan ibunya. Mahkamah memutuskan bahawa mengikut Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan, kebenaran daripada salah seorang ibubapa sudah cukup bagi penukaran agama seorang kanak-kanak.

Mahkamah Persekutuan tidak membuat sebarang keputusan bagi rayuan Kaliammal Sinnasamy, seorang wanita bukan Islam, berkaitan pelupusan mayat suaminya, S. Moorthy, seorang Hindu yang dikatakan telah memeluk agama Islam sebelum kematiannya. Beliau mendakwa tiada bukti jelas yang menunjukkan suaminya telah masuk Islam dan bertikai dengan pihak berkuasa agama Islam tentang upacara perkebumian agama mana yang harus dijalankan untuk suaminya. Kaliammal membuat rayuan selepas Mahkamah Tinggi sekular memutuskan bahawa mahkamah itu tiada bidang kuasa untuk mendengar kes tersebut kerana ia melibatkan seorang Islam, walaupun Kaliammal sendiri bukan beragama Islam. Sebelum ini, mahkamah Syariah telah memutuskan bahawa lelaki Hindu itu adalah orang Islam dan pihak berkuasa agama Islam telah mengebumikan mayat tersebut mengikut upacara pengebumian Islam. Pada 27 Disember 2007,

Mahkamah Tinggi melepaskan mayat Moorthy untuk dikebumikan mengikut upacara pengebumian Islam dan memutuskan bahawa mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa untuk menentukan sama ada Moorthy telah memeluk Islam sebelum kematiannya kerana Mahkamah Tinggi Syariah telahpun membuat keputusan tentang perkara tersebut.

Pada 30 Mei 2007, Mahkamah Persekutuan telah mengesahkan keputusan 2005 Mahkamah Rayuan bahawa orang Islam mesti mendapatkan perintah mahkamah Syariah yang menyatakan mereka telah “murtad” sebelum mereka boleh menukar kad pengenalan mereka. Dalam penghakiman 2005 itu, Mahkamah Rayuan telah menolak permohonan Lina Joy, seorang Islam yang masuk Kristian, untuk menukar agama yang tertera pada kad pengenalan dan mengahwini tunangnya yang beragama Katolik mengikut undang-undang sivil dan bukan Islam. Berikutan keputusan Mahkamah Persekutuan pada bulan Mei 2007, Lina Joy dilaporkan telah meninggalkan negara dan tidak meneruskan hal itu di mahkamah Syariah.

Pihak Kerajaan mengharamkan, dan dalam sesetengah kes, merampas bahan berunsur agama. Semasa tempoh laporan ini, Kerajaan telah mengharamkan 62 buah buku yang berunsur agama, termasuk *Islamic Politics Brings About Love*, oleh ketua Al Arqam Ash’ari Muhamad; *The Life and Times of Muhammad*, oleh John Glubb; *Now You Can Know What Muslims Believe*, oleh Ministries to Muslims; *What is Ahmadiyah Movement*, oleh Mirza Bahiruddin Mahmud; dan *Tasawuf in the Quran*, oleh Mir Aliudin; *Secrets of the Koran: Revealing Insights Into Islam’s Holy Book*, oleh Don Richardson; dan *Women in Islam*, oleh Margaret Speaker Yuan. Pihak berkuasa kastam telah merampas enam judul buku kanak-kanak Kristian kerana mengandungi istilah yang dianggap eksklusif kepada agama Islam sahaja. Penggunaan istilah “Allah” (Tuhan), “Baitullah” (Rumah Tuhan), dan “Solat” (prayer) dihadkan penggunaannya kepada golongan orang Islam sahaja oleh Jabatan Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Qur’an bawah Kementerian Dalam Negeri kerana mengikut pihak Kerajaan, istilah-istilah ini berada bawah bidang kuasa masyarakat Islam sahaja.

Pihak Kerajaan menyekat pengedaran terjemahan bahasa Malaysia kitab Injil dan bahan-bahan cetak yang lain serta pita-pita Kristian di Semenanjung Malaysia. Sejak 2005, dasar yang diperkenal oleh Perdana Menteri memerlukan kitab Injil bahasa Malaysia dicetak dengan “Bukan untuk orang Islam” pada halaman depan dan hanya boleh diedarkan di gereja dan kedai buku Kristian sahaja. Pengedaran bahan Kristian dalam bahasa Malaysia kurang disekat di Malaysia Timur.

Pada 12 Februari 2008, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri mengeluarkan arahan kepada Gereja Katolik supaya menghentikan penggunaan istilah “Allah” dalam penerbitan mingguannya, *Catholic Herald*. Timbalan Perdana Menteri mempertahankan tindakan ini dan menyangkal dakwaan bahawa tindakan tersebut menjejaskan toleransi di kalangan masyarakat berbilangan agama di negara ini. Menteri *de facto* bagi hal ehwal agama Islam menyatakan

bahawa istilah “Allah” dalam kepustakaan Kristian boleh mengelirukan umat Islam di negara ini dan akan menarik mereka ke arah agama Kristian. Pada 9 Mac 2008, ketua biskop Katolik di Kuala Lumpur telah mendaftarkan saman terhadap Kerajaan untuk mencabar pengharaman dan mengisytiharkan bahawa penggunaan istilah “Allah” tidak eksklusif kepada agama Islam sahaja. Pada 5 Mei 2008, Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa Gereja Katolik mempunyai hak terhadap kajian semula kehakiman terhadap pengharaman Kerajaan. Mahkamah membenarkan Catholic Herald untuk mengekalkan penggunaan istilah “Allah” sementara menunggu kajian semula yang masih belum dijadualkan di penghujung tempoh laporan ini.

Pada bulan Januari 2008, para pegawai Kementerian Keselamatan Dalam Negeri telah merampas buku kanak-kanak Kristian daripada beberapa buah kedai buku kerana mengandungi gambar Nabi Musa dan Nabi Noh yang dianggap sebagai “lakaran nabi” dan menyinggung perasaan orang Islam. Majlis Gereja Malaysia mendakwa bahawa para pegawai kementerian telah melampaui bidang kuasa mereka apabila mereka merampas bahan bacaan Kristian yang bukan untuk orang Islam. Lantas, Kementerian telah memulangkan balik buku-buku tersebut tanpa sebarang tindakan lanjut.

Pada 28 Januari 2008, Juliana Nicholas kembali ke negara ini dari Filipina dengan dua buah kotak yang mengandungi 32 kitab Injil bahasa Inggeris untuk kumpulan gerejanya. Para pegawai kastam di Kuala Lumpur telah merampas kesemua kitab Injil ini dan Nicholas membawa kes tersebut ke Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Qur’an Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Pada 4 Februari 2008, selepas membuat panggilan lanjutan ke Kementerian, Jabatan Kastam telah membenarkan Nicholas mengambil semula kitab-kitab Injil tersebut. Persekutuan Kristian Malaysia, iaiatu kumpulan gereja yang terbesar di Malaysia, dilaporkan menerima aduan bahawa buku-buku agama Kristian juga dirampas di beberapa tempat pemeriksaan di serata negara.

Walaupun amalannya berbeza dari negeri ke negeri, kedua-dua pihak Kerajaan dan parti pembangkang PAS cuba menggunakan masjid-masjid negeri untuk menyebarkan utusan berorientasikan politik. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, beberapa buah negeri bawah pimpinan BN telah mengharamkan imam-imam sekutu pembangkang daripada memberi khutbah di masjid, menguatkuasakan dengan ketat kekangan-kekangan sedia ada terhadap kandungan khutbah, menggantikan ketua-ketua dan jawatankuasa-jawatankuasa masjid yang difikirkan menyokong pihak pembangkang, dan memberi amaran akan menutup masjid-masjid yang tidak sah yang mempunyai kaitan dengan pihak pembangkang. Begitu juga kerajaan Kelantan dilaporkan menyekat imam-imam yang ada kaitan dengan parti BN daripada berkhutbah di masjid sepanjang tempoh laporan ini.

Pihak Kerajaan terus mengawas aktiviti-aktiviti golongan minoriti Shi’a.

Penyalahgunaan Kebebasan Beragama

Angkatan Tindakan Hak Hindu (HINDRAF) yang mengambil inisiatif aktivis untuk memperjuangkan kepentingan kaum India, telah menganjurkan suatu siri bantahan pada tahun 2007. HINDRAF menuntut tebus rugi atas apa yang dianggap sebagai peminggiran kaum India oleh pihak kerajaan, termasuk perobohan beberapa buah kuil Hindu. Perhimpunan-perhimpunan HINDRAF ini mencapai puncaknya dalam suatu tunjuk perasaan jalanraya yang besar di Kuala Lumpur pada 25 November 2007. Pihak polis menggunakan gas pemedih mata dan penyembur air terhadap para penunjuk perasaan di beberapa tempat berkumpul. Polis telah menangkap dan membebaskan Waytha Moorthy, pengarah HINDRAF, pada bulan November. Beliau kemudian terbang ke United Kingdim dan terus tinggal di luar negara, mengatakan bahawa dia bimbang akan ditahan sekiranya dia kembali ke tanahair. Pada 13 Disember, pihak Kerajaan telah menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) untuk menahan lima orang pemimpin HINDRAF dan mendakwa bahawa penglibatan mereka dalam tunjuk perasaan terancang itu telah menggugat harmoni antara bangsa dan justeru itu, mengancam keselamatan negara. Lima lelaki tersebut masih berada dalam tahanan ISA di penghujung tempoh laporan ini.

Mahkamah Syariah peringkat negeri mempunyai bidang kuasa untuk menghantar individu yang memohon untuk keluar daripada agama Islam atau mengisytiharkan kepercayaan terhadap mazhab “sesat” ke pusat pemulihan. Individu-individu ini tidak bebas untuk meninggalkan pusat tersebut dan dipaksa menjalani “pemulihan” agama. Pihak Kerajaan tidak mengeluarkan perangkaan tentang bilangan individu yang dihantar ke pusat pemulihan agama sepanjang tempoh laporan ini.

Pada penghujung tempoh laporan ini, pihak berkuasa agama terus memburu Ayah Pin, ketua kumpulan agama tanpa kekerasan yang diharamkan di Terengganu, iaitu Kerajaan Langit, dan salah seorang daripada empat isterinya kerana menyokong amalan agama “sesat”. Pada 3 Mac 2008, Mahkamah Syariah telah menjatuhkan hukuman penjara dua tahun atas tuduhan murtad terhadap Kamariah Ali, 57, yang keluar Islam untuk masuk kumpulan haram itu.

Pada 28 April 2007, para pegawai Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), sebuah agensi peringkat negeri, telah membuat serbuan di rumah Najeera Farvinli, seorang wanita Islam yang telah berkahwin dengan lelaki Hindu di sebuah kuil Hindu pada bulan Julai 2006. Para pegawai kerajaan telah menahan wanita tersebut di rumah kediaman pasangan tersebut atas tuduhan berkhalwat. Beliau telah diperintah supaya menjalani “pemulihan” agama selama 180 hari. Pada bulan Mei 2007, Mahkamah Tinggi telah mencapai persetujuan dengan Jabatan Agama untuk memberikan hak jagaan lima orang anak kepada si bapa yang membesarkan mereka sebagai Hindu. Pihak mahkamah memberikan hak lawatan sepenuh kepada isterinya tetapi menolak permintaan untuk isterinya tinggal bersama-sama suaminya.

Pada bulan Januari 2007, Mahkamah Syariah Melaka telah mengeluarkan perintah supaya Revathi Masoosai, seorang wanita berketurunan India yang kedua-dua ibubapanya telah masuk Islam, dihantar ke pusat pemulihan Islam selama 180 hari selepas dia pergi ke mahkamah untuk menukar nama dan agamanya kepada Hindu. Mahkamah memutuskan bahawa dia tidak boleh keluar daripada Islam, mengisytiharkan perkahwinan Hindunya sebagai batal dan tak sah, dan memberikan hak jagaan kedua-dua Revathi dan anak perempuannya yang berumur dua tahun kepada ibubapa Revathi yang beragama Islam. Semasa menjalani "pemulihan", pihak berkuasa dilaporkan cuba memaksanya bersembahyang sebagai orang Islam, memakai tudung, dan memakan daging lembu. Pada bulan Jun 2007, Revathis dibebaskan bawah jagaan ibubapanya, diperintah supaya mengikuti kelas agama setiap minggu, dan dilarang tinggal dengan suaminya. Ibubapa Revathi terus mendapat hak jagaan anaknya pada penghujung tempoh laporan ini.

Pada 14 November 2006, JAIS telah menahan 107 orang, termasuk beberapa orang kanak-kanak, semasa suatu serbuan di Kuala Lumpur kerana disyaki pengikut kumpulan al-Arqam yang telah diharamkan. Walaupun kesemua tahanan kemudiannya dibebaskan, JAIS menyatakan bahawa mereka bercadang untuk mengemukakan tuduhan di mahkamah Syariah terhadap enam daripada tahanan itu. Pihak Kerajaan telah mengharamkan al-Arqam pada tahun 1994 dan menyenaraikannya sebagai mazhab "sesat". Pemimpin kumpulan yang mempunyai kira-kira 10,000 pengikut itu, iaitu Ashaari Muhammad, telah menubuhkan sebuah syarikat induk, Perbadanan Rufaqa, untuk menguruskan kepentingan perniagaannya. Perbadanan Rufaqa telah disiasat kerana dikatakan menyokong usaha kebangkitan semula kumpulan al-Arqam. Pada 1 Mac 2007, JAIS telah menggeledah 28 rumah orang yang ada pertalian dengan Perbadanan Rufaqa untuk mengumpul bahan bukti terhadap syarikat itu. JAIS juga telah menggeledah beberapa buah premis perniagaan kepunyaan Perbadanan Rufaqa pada 2 Mac 2007, mengoyakkan poster dan papan tanda yang mengandungi perkataan "Rufaqa" serta merampas buku-buku dan bahan-bahan cetak tentang Ashaari.

Pada bulan Jun 2008, Kerajaan Malaysia, atas permintaan Kedutaan China, telah mendeportasikan dua orang warga negara China yang mengenali diri mereka sebagai orang Islam, ke China.

Penukaran Agama Secara Paksa

Tiada laporan tentang penukaran agama secara paksa, termasuk warga A.S. bawah umur yang telah diculik atau dikeluarkan dari Amerika Syarikat secara haram, atau keengganan membenarkan warga-warga tersebut pulang ke Amerika Syarikat.

Peningkatan dan Kemajuan Positif dari segi Kebebasan Beragama

Pada 9 Jun 2008, pihak Kerajaan menganjurkan bersama Persidangan Antarabangsa Ketiga Dunia Islam dan Barat di Kuala Lumpur. Persidangan ini bertujuan merapatkan "jurang" antara Islam dan Barat dan membangunkan konsep-konsep projek. Dalam ucapan dasarnya, Perdana

Menteri Abdullah, menekankan, “Dunia Islam dan Barat mesti bekerjasama untuk memperoleh semula perasaan saling mempercayai, hormat-menghormati, persefahaman dan kerjasama.” Namun, ada di kalangan peserta yang menggesa ke arah penggunaan undang-undang yang boleh menyekat kebebasan pendapat dalam usaha menghalang fitnah terhadap Islam.

Pada 22 Mei 2008, Kementerian Dalam Negeri membatalkan pengharaman buku yang bertajuk *A History of God: The 4000-Year Quest of Judaism, Christianity and Islam*, oleh Karen Armstrong, yang diharamkan pada bulan April 2005 dengan lapan buku berbahasa Inggeris yang lain.

Pada 24 April 2008, Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian, dan Warisan mengumumkan suatu set garis panduan untuk menyelesaikan isu-isu agama yang masih belum selesai, termasuk pembinaan dan perobohan tempat-tempat ibadat. Pihak kementerian mengumpul maklum balas daripada semua kumpulan agama, termasuk JAKIM dan wakil daripada masyarakat Hindu dan Buddha, yang bertujuan mewujudkan suatu garis panduan yang akan dibawa ke Kabinet dan Dewan-dewan Undangan Negeri.

Pada 9 Julai 2007, Perdana Menteri Abdullah meminta pihak-pihak berkuasa agama Islam supaya lebih prihatin dalam menangani isu-isu penukaran agama dengan menyatakan, “Saya selalu memberitahu jabatan-jabatan agama supaya mendengar rungutan [mereka yang ingin menukar agama] tentang punca mereka ingin keluar agama. Kita perlu bersedia untuk mendengar dan menyelesaikan masalah.”

Bahagian III: Penganiayaan dan Diskriminasi Masyarakat
Terdapat beberapa laporan berkaitan penganiayaan atau diskriminasi masyarakat berdasarkan agama, kepercayaan, atau amalan.

Sesetengah orang yang keluar daripada agama mereka mungkin menghadapi stigma atau digelar "murtad" bagi mereka yang keluar daripada agama Islam. Justeru itu, mereka kadangkala merahsiakan kepercayaan dan amalan baru mereka daripada rakan-rakan seagama mereka dahulu, termasuk sahabat handai dan saudara mara.

Berikutan keputusan mahkamah Syariah pada Mei 2008 untuk membenarkan Siti Fatimah kembali kepada agama Buddha, Hizb ut-Tahrir, sebuah kumpulan yang komited terhadap penubuhan negara Islam global, cuba menekan Kerajaan supaya mengkaji semula keputusan tersebut dan mengisytiharkan secara umum bahawa sesiapa yang keluar daripada agama Islam harus dihukum mati. Kumpulan ini dilaporkan sedang menjalankan perekrutan ahli dari beberapa buah universiti di negara ini, termasuk Universiti Teknologi Malaysia.

Bahan bacaan anti-Yahudi, termasuk buku-buku seperti *The Protocols of the Elders of Zion*, mudah dibeli di kedai buku dan penjual jalanan di beberapa tempat di seluruh negara.

Pihak Kerajaan kadangkala campur tangan untuk menghalang perbincangan tentang perbalahan agama yang kontroversi antara orang Islam dan bukan Islam.

Bahagian IV: Dasar Kerajaan A.S.
Kerajaan Amerika Syarikat membincangkan hal-hal kebebasan beragama dengan Kerajaan Malaysia sebagai sebahagian daripada dasarnya untuk menganjurkan hak asasi manusia.

Wakil kedutaan mengekalkan dialog yang aktif bersama ketua dan wakil pelbagai kumpulan agama, termasuk yang tidak diiktiraf secara rasmi oleh Kerajaan. Kedutaan menyelaraskan pembiayaan seorang pemegang biasiswa Fulbright yang mengkaji hal-hal antara agama sambil mengajar sebagai pensyarah di sebuah universiti awam. Kedutaan juga menaja lawatan oleh sarjana Islam Amerika. Kerajaan A.S. membiayai geran masyarakat sivil dan geran pertukaran bagi wakil-wakil badan bukan kerajaan yang berusaha meningkatkan toleransi agama, rasa hormat terhadap kepelbagaian, hak asasi manusia, dan sikap keterbukaan di negara ini.

Dikeluarkan pada 19 September 2008